

Kuala Lumpur: Semua 12 anggota Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) sebulat suara menyokong Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah bertanding pada pemilihan ahli jawatankuasa eksekutif Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), yang bakal berlangsung pertengahan tahun ini.

Mereka turut menyokong seorang lagi calon dari AFF membabitkan Presiden Persatuan Bola Sepak Thailand (FAT), Datuk Worawi Makudi untuk pemilihan itu.

AFF juga menyatakan sokongan kepada Winston Lee dari

AFF sokong Tengku Abdullah ke FIFA

26 FEBRUARI 2015

BERITA HARIAN M/S 58
Singapore untuk merebut jawatan Naib Presiden Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) manakala Zaw Zaw (Myanmar) dan Dr Tran Quoc Tuan (Vietnam) untuk jawatan EXCO AFC.

Kekal terajui AFF

Selain itu, badan induk bola sepak Asia Tenggara juga me-

nyokong penuh Moya Dodd dari Australia bertanding Naib Presiden Wanita AFC.

Dalam perkembangan sama, Viphet Sihachakr dari Laos dan Mariano Araneta (Filipina) menawarkan diri untuk jawatan EXCO AFC.

Senarai calon itu diumumkan selepas Mesyuarat Majlis AFF yang dipengerusikan Pre-

sidennya yang juga Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah, semalam.

Malah Sultan Ahmad Shah juga terus mendapat sokongan untuk kekal mengepalai AFF sepenggal lagi ketika pemilihan baharu yang dijadualkan 25 April ini.

Sultan Ahmad Shah mula menerajui AFF pada 2011.



Gopinathan muncul wira Tok Gajah

BERITA HARIAN (M/S 55)

26 FEBRUARI 2015

» Jaring gol kemenangan Pahang pada aksi pembukaan Kumpulan G di Mandalay, semalam

Oleh Mohd Fitrie Muhamad
mfitrie@bh.com.my

► Kuala Lumpur

R Gopinathan muncul wira Pahang apabila jaringannya menjulang wakil negara itu meraih kemenangan 3-2 ke atas kelab Myanmar, Yadanarbon FC pada aksi pembukaan Kumpulan G Piala AFC di Stadium Mandalar Thiri, Mandalay, semalam.

Jaringan Gopinathan pada mi-

nit ke-88 itu melepaskan detik cemas skuad Tok Gajah selepas tuan rumah meraih gol kedua untuk menafikan dua jaringan Dickson Nwakaeme pada babak pertama.

Bagaimanapun, kemenangan itu dilakar dengan cara sukar apabila terpaksa beraksi dengan 10 pemain untuk tempoh 34 minit terakhir selepas ketua pasukannya, Mohd Razman Roslan dilayangkan kad merah.

Anak buah Zainal Abidin Hasan turun dengan motivasi tinggi untuk mengikut jejak Johor Da-

rul Ta'zim (JDT) yang menumpaskan East Bengal FC pada saingan Kumpulan F di Stadium Tan Sri Hassan Yunus, Johor Bahru, kelmarin.

Nwakaeme ledak dua gol

Hasilnya, hanya dalam tempoh 13 minit Pahang sudah mendahului dua gol hasil ledakan Nwakaeme pada minit ke-6 dan ke-13.

Bagaimanapun, pada minit ke-41, usaha seorang lagi tonggak import Pahang, Damion Stewart untuk mengeluarkan bola tendangan padu pemain Yadanar-

bon dari luar kotak penalti menjadi sebaliknya apabila menerjah gawang sendiri untuk menghadiahkan gol pertama buat tuan rumah.

Hanya 11 minit babak kedua bersambung, tindakan Razman menerjah pemain lawan dalam kotak penalti mengundang padah apabila dia dilayangkan kad merah dan menghadiahkan sepakan penalti buat lawan.

Djedje Maximin Djawa tenang menyempurnakan peluang terhidang untuk gol penyamaan pasukannya dan pada minit ke-72,

percubaan kedua pemain import dari Ivory Coast itu, juga menerusi penalti gagal apabila sepakannya melambung tinggi.

Kedua-dua pasukan saling mengatur serangan memburu gol kemenangan dan beberapa percubaan bahaya berjaya dihasilkan terutama menerusi Nwakaeme, namun tidak menepati sasaran.

Ketika perlawanan seakan berakhir dengan keputusan seri, tanpa diduga Gopinathan tenang melakukan penyudah untuk gol kemenangan Pahang.

MALAS TURUN PADANG

» Pengarah Teknikal FAM, Fritz Schmid didakwa hanya pandai bercakap dan gagal bawa perubahan positif buat pemain skuad muda negara

Oleh Wan Fakhru Bakar
wanfakhru@bh.com.my

BERITA HARIAN (M/S.G.D.)
Shah Alam

26 FEBRUARI 2015

Kredibiliti Fritz Schmid dari Switzerland sebagai Pengarah Teknikal Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) mula dipertikai selepas hampir 10 bulan menjawat jawatan itu tanpa menunjukkan apa-apa perubahan positif buat pemain muda skuad negara.

Schmid, 56, yang ditandatangani FAM untuk tempoh tiga tahun yang hadir di negara ini dengan reputasi memiliki sijil kejurulatihan pro Kesatuan Bola Sepak Eropah (UEFA) didakwa 'malas' turun padang.

Bekas pemain kebangsaan era 1970-an, Bakri Ibni yang juga Ahli Jawatankuasa Teknikal dan Pembangunan Belia FAM berkata, beliau kecewa apabila Schmid langsung tidak kelihatan ketika skuad B-22 negara kendalian Razip Ismail tewas 1-0 kepada skuad B-20 Fiji di Stadium UiTM, Shah Alam, Isnin lalu.

"Selaku seorang Ahli Jawatankuasa Teknikal dan Pembangunan Belia FAM,

saya sendiri pun tidak dimaklumkan mengenai perlawanan ini. Saya hanya tahu menerusi siaran berita ketika menunggu waktu berbuka puasa. Jadi selepas berbuka, saya terus bergegas ke Stadium UiTM.

Tak buat kerja

"Di sana, saya tak nampak seorang pun Ahli Jawatankuasa Teknikal dan Pembangunan Belia FAM yang hadir termasuk Schmid. Yang kelihatan hanya jurulatih skuad B-23 negara, Datuk Ong Kim Swee.

"Jadi apa sebenarnya kerja Schmid? Sebagai Pengarah Teknikal FAM, beliau sepatutnya memantau kursus dan seminar kejurulatihan serta turun padang menyaksikan latihan dan perlawanan persahabatan membabitkan skuad kebangsaan di semua peringkat umur termasuk skuad B-22.

"Sebelum ini memang saya ada dengar dalam kalangan jurulatih mendakwa Schmid hanya pandai bercakap tetapi tak pernah turun padang. Jadi maknanya dia tak buat kerjalah. Kalau setakat duduk dalam bilik di FAM buat apa?" kata jurulatih Akademi Bola Sepak Tunas Lagenda itu ketika ditemui di sini, semalam. **Sukan 58**

Pemain tidak boleh keluar, masuk sesuka hati

MHC bukan 'hotel'

Oleh ZAZALI JAMIAN
zazali@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR

"INI bukan tempat untuk pemain keluar dan masuk sesuka hati."

Demikian tegas jurulatih skuad hoki kebangsaan, Tai Beng Hai terhadap isu penyerang skuad kebangsaan, Faizal Saari yang tidak menyertai kem latihan skuad kebangsaan sejak awal bulan ini.

Ini bukan kali pertama Faizal keluar meninggalkan skuad kebangsaan sebelum kembali ke pangkuan pasukan kerana masalah peribadi.

Kata Beng Hai, semua pemain perlu faham objektif sebenar mereka menyertai skuad kebangsaan iaitu mengharumkan nama negara di peringkat tertinggi dan dalam masa sama berharap, episod berkaitan Faizal tidak berulang lagi terutama selepas penyerang tersebut menyatakan kesediaan untuk kembali bersama pasukan.

Tambah Beng Hai, Faizal perlu menjadikan ujian kecerdasan semua saiz seperti pemain lain sebelum dapat menyertai latihan skuad negara bagi persediaan menghadapi separuh akhir Liga Hoki Dunia di Belgium, Jun ini.

Malah Beng Hai turut menegaskan, pemain itu mempunyai masa yang amat singkat untuk menjalani latihan kecana banya tinggal kira-kira 60 hari sebelum Malaysia memulakan kempen merebut slot automatik ke Sukan Olimpik 2016 menerusi kejohanan di Belgium tersebut.

"Pada pandangan saya seorang pemain memerlukan latihan yang cukup sekitar lapan minggu dan dia sudah terlepas banyak sesi latihan."

"Memang kita harap dia hadir menyertai latihan dan sepatutnya Faizal datang bertemu kami serta mencentakkan masalah sebenar dihadapi."



katanya dalam sidang akhbar selepas sesi latihan di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, sini, semalam.

Ibu Faizal tidak hadir menyertai latihan skuad kebangsaan mula timbul selepas skuad kebangsaan menjuarai Liga Hoki Dunia di Singapura yang berakhir penghujung Januari lalu.

Pada Julai lalu, Faizal pernah mengejutkan hoki negara dengan mengumumkan untuk bersara dan tidak menyertai skuad kebangsaan pada Sukan Komanwel 2014, namun tidak lama kemudian dia membatalkan keputusannya.

Pada Ogos 2014, dia turut menolak untuk menyertai kem persediaan skuad kebangsaan bagi menghadapi Sukan Asia sebelum kembali dalam kempen Liga Hoki Dunia pada awal Januari 2015.

Pelbagai spekulasi mula timbul apabila pemain tersebut tidak hadir menyertai kem latihan dan paling hangat adalah khabar angin yang mengatakan penyerang tersebut menajuk akibat tidak mendapat ganjaran yang telah dijanjikan Konfederasi Hoki Malaysia (MHC).

Sepanjang karier sebagai pemain hoki, Faizal sering dijanjikan sandaran utama skuad kebangsaan

M H C MALAYSIAN HOCKEY CONFEDERATION

Pada pandangan saya seorang pemain memerlukan latihan yang cukup sekitar lapan minggu dan dia sudah terlepas banyak sesi latihan."

TAI BENG HAI
Jurulatih Skuad Hoki Kebangsaan

untuk mendapatkan jaringan berikutan penyerang tersebut mempunyai kemahiran tersendiri dalam kawasan D.

Malah, dia juga muncul penjarang terbanyak Liga Hoki Dunia di Singapura, bulan lalu.

Sementara itu, Beng Hai turut memberitahu, seramai 20 pemain telah disenaraikan untuk menyertai kem latihan di Australia bermula 3 hingga 17 Mac ini.

Dalam kem latihan tersebut, skuad kebangsaan dijadual menghadapi lapan aksi perlawanan, termasuk tiga terpenting skuad utama Australia dan selebihnya berlawanan kelab Ais dan Wais.

"Dalam senarai tersebut kita tidak dapat memasukkan nama Faizal kerana bimbang pesyarif itu tidak cukup cergas, tambahan pula dia sudah lama tidak hadir menyertai kem latihan."

"Ini juga adalah sebahagian daripada misi kita untuk menguatkan skuad kebangsaan, selain persediaan menghadapi skuad di Belgium Jun ini," kata Beng Hai.



FAIZAL SAARI mencetuskan kontroversi terbaru apabila gagal menghadiri diri dalam latihan hoki kebangsaan sejak bulan lalu.

UTUSAN MALAYSIA (MIL) 3/15
26 FEBRUARI 2015

Elective sports expected to have own national junior meets

BY ASHREENA PILLAI (M/S. 46)
THE STAR

26 FEBRUARI
2015

PETALING JAYA: Elective sports are likely to host their own national-level junior competitions following the cancellation of this year's Sukma (Malaysia Games).

Last week, Minister of Youth and Sports Khairy Jamaluddin announced plans to axe the Games from this year onwards.

Sports likely to be effected include basketball, cricket, fencing, handball, kabbaddi and muay thai.

"As the minister announced last week,

Sukma for the elective sports has been cancelled. We are setting up a meeting with the Sukma executive committee next month to formulate a plan for the elective sports," said National Sports Council (NSC) director-general Datuk Ahmad Shapawi Ismail.

"The idea now is to encourage these elective sports to organise their own national junior championships this year in lieu of the Sukma ... we're also looking into probably allocating some funds for them to do so."

Shapawi also said that the decision would help alleviate the pressure on the state sports

councils from having to fund a Sukma contingent every year.

Sukma, which is meant for athletes aged below 21-years-old, has been held biennially since 1986, when it was first held in Kuala Lumpur.

In 2010, the Cabinet Committee on Sports Development opted to have the Games held annually, in which elective sports would be allowed a chance to compete at the Games every other year beginning in 2011.

So far, the elective Sukma has only been held twice in 2011 and 2013.

Boling: Malaysia tidak ketandusan pelapis

Oleh WAN NOR ZURAIHAH
WAN ALI
sukan@kosmo.com.my

KEJAYAAN meraih lapan pingat pada Kejohanan Tenpin Boling Asia ke-23 di Major Cineplex Ratchayothin, Bangkok, Thailand, Januari lalu membuktikan skuad negara sebenarnya tidak pernah ketandusan pelapis muda dalam misi melakar nama di pentas antarabangsa.

Sehubungan itu, Kongres Tenpin Boling Malaysia (MTBC) kelmarin secara rasminya mendedahkan senarai nama penuh skuad elit negara 2015 yang mempertaruhkan beberapa muka baharu di samping pemain-pemain senior berpengalaman.

Sharon Koh Suet Len, Hee Kar Yen, Dayang Khairuniza Dhiyana Abang Jamalidon, Alisha Iman Cheong serta Victoria Chin Quan Weoi antara muka baharu yang melengkapkan skuad wanita bersama nama-nama yang tidak asing lagi seperti Esther Cheah, Shalin Zulkifli, Sin Li Jane, Siti Safiyah Amirah Abdul Rahman, Syaidatul Afifah Badrul Hamidi, Natasha



ESTHER (kiri) dan Shalin merupakan dua daripada tujuh pemain wanita senior yang akan menggalas cabaran negara bersama skuad elit boling kebangsaan.

Roslan dan Radin Nur Najwa Arifah Radin Dzulfakar.

Menurut Setiausaha Kehormat MTBC, Cheah Ban Cheng, prestasi pemain pelapis sekarang berada pada tahap yang baik.

Justeru, Ban Cheng menegaskan, MTBC membuat keputusan untuk menyerapkan semua pemain berkenaan ke dalam skuad elit boling negara.

"Prestasi mereka yang baik dan konsisten sebenarnya membuka ruang untuk mereka beraksi pada

kejohanan-kejohanan antarabangsa.

"Platform tersebut membolehkan kami menilai kemampuan pemain-pemain seperti yang mereka lakukan di Bangkok dan ia sekali gus mendorong kami membuat keputusan membawa mereka masuk ke dalam skuad elit kebangsaan," ujarnya.

Menurut Ban Cheng lagi, biarpun MTBC kini memberi keutamaan kepada skuad elit dalam menghadapi temasya Sukan SEA di

Singapura pada Jun depan, namun keseimbangan di antara atlet lama dan baharu yang tersenarai dalam skuad juga berperanan sebagai persediaan awal menempuh Sukan Asia 2018.

"Buat masa ini semua pemain giat menjalani latihan di samping menyertai beberapa pertandingan utama termasuk Kejohanan Boling Kebangsaan dan Kejohanan Boling Antara Negeri pada 7 hingga 14 Mac depan.

"Seterusnya separuh daripada mereka akan terbang pula ke Munich, Jerman bagi menghadapi Cabaran Brunswick Euro (14 hingga 22 Mac) sebelum ke Terbuka Antarabangsa Thailand pada April.

"Senarai akhir 12 peserta merangkumi enam lelaki dan enam wanita untuk ke Sukan SEA hanya akan diputuskan selepas Terbuka Antarabangsa Malaysia pada bulan Mei," jelasnya lanjut.

Bagi skuad elit lelaki, tiga muka baharu ditampilkan iaitu Muhd. Nur Aiman Khairuddin, Ahmad Muaz Fishol dan Johnathan Chan Tian Sheng di samping lapan pemain sedia ada.

Tangkap Anak Malaysia Anti Demokrasi

26 FEBRUARI 2015

SHAH ALAM - Tindakan tegas perlu diambil terhadap sekumpulan anak muda yang menggelar diri mereka Anak Malaysia Anti Demokrasi susulan tersebarnya video terbaru kumpulan itu yang mengugut mahu membunuh Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar beberapa hari lalu.



MUAMMAR GHADAFI

SINAR HARIAN (M/S.....)

Beliau juga

bawa agenda ekstremis apatah lagi hingga berani mengugut ketua polis.

"Apabila sudah sampai mengugut ketua polis yang memimpin pasukan keselamatan, ia seperti mempermainkan soal keselamatan negara dan dikhuatiri akan jejas keselamatan rakyat," katanya.

Presiden Majlis Belia Malaysia Muammar Ghadafi Jamal Jamaluddin berkata, walaupun ramai menganggap video tersebut sebagai satu jenaka, ia dikhuatiri memberikan kesan tidak baik kepada golongan muda.

"Sekali pandang seperti mereka ini ingin melawak dan meminta perhatian orang ramai, namun saya risau ia akan mempengaruhi orang muda untuk turut sama memberontak.

"Saya gesa polis, gunakan semua sumber yang ada untuk kesan dan tangkap mereka yang tidak bertanggungjawab ini," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Menurutnya, masyarakat dan belia perlu menolak pelbagai bentuk ekstremis yang ditimbulkan sehingga boleh mengugut keamanan negara.

"Jangan beri peluang kepada golongan seumpama ini yang mem-

lia tidak terikut dengan golongan sebegini yang jelas akan memalukan negara.

Pendapat sama di kongsi oleh Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia, Amidi Abdul Manan yang menyifatkan tindakan kumpulan itu sebagai menghina Khalid.

"Kami menganggap ia sebagai satu permainan memperolok-olokkan Khalid dan soal keselamatan negara.

"Kumpulan ini masih bebas dan tiada tindakan diambil. Kerana itu mereka berani untuk memuat naik video yang baharu," katanya.

Beliau mengharapkan agar pihak polis dapat bertindak tegas bagi mengelakkan kesan lebih buruk dihasilkan oleh kumpulan itu selain menyelamatkan maruah Khalid daripada diperolokkan.